



Headline	Bina kampus UiTM, UniKL		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	02 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	P21	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	298 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAIRUL AHZA HAMZAH	AdValue	RM 1,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,917



# Bina kampus UiTM, UniKL

*Dua IPT dipilih kerana kepakaran dalam aspek pelancongan, penyediaan makanan*

**ZAIRUL AFIZA HAMZAH**

**JERANTUT-** Selaras dengan jolokannya sebagai Pintu Gerbang Pelancongan, sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dicadangkan dibina di daerah ini bagi memberi peluang kepada pelajar di daerah itu mendalami ilmu pelancongan.

Adun Tahan, Datuk Wan Amizan Wan Abdul Razak berkata, selain kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu, pihaknya juga bercadang untuk membina sebuah kampus cawangan bagi Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Menurutnya, cadangan itu dikemukakan memandangkan UiTM mempunyai kepakaran untuk mengajar aspek penyediaan makanan manakala UniKL mempunyai kepakaran dalam bidang pelancongan.

"Daerah ini merupakan pintu gerbang kepada pelancong yang datang ke Taman Negara dan pastinya kita mahu meningkatkan taraf pendidikan, komunikasi dan sebagainya dalam kalangan masyarakat di sini.

"Kita mahu masyarakat tempatan di sini menjadi pemandu pelancong dan dapat mampu berkomunikasi de-

ngan pelancong luar negara dengan baik," katanya.

Beliau ditemui selepas perasmian Karnival Pendidikan Parlimen Jerantut dan penutupan program mendekati rakyat bersama kerajaan melalui Kolej Komuniti yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Profesor Dr Rujhan Mustafa yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Wan Amizan berkata, daerah Jerantut hanya mempunyai sebuah Kolej Komuniti yang mana kos pembinaannya berjumlah RM11 juta.

Menurutnya, Kolej Komuniti tu memberi seribu rahmat kepada penduduk di daerah ini di mana pada 2012, institusi pengajian itu mencapai sasaran apabila berjaya memberikan latihan kepada 3,000 peserta kursus pendek.

"Kita sangat yakin, dengan adanya pertambahan institut pengajian tinggi (IPT) di Jerantut, ia bukan sahaja merancakkan lagi ekonomi penduduk malah menaikkan imej daerah ini sebagai pintu gerbang pelancongan negeri Pahang," katanya.



Wan Amizan (dua, kiri) melihat Rujhan memotong riben sebagai simbolik merasmikan Karnival Pendidikan Parlimen Jerantut di perkarangan Kolej Komuniti, Jerantut